

Headline	NISER Are Known As Malaysia CyberSecurity(NISER dikenal...		
Date	21. Aug 2007	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	20
Section	Ekonomi	Article Size	86 cm ²
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



NISER dikenali CyberSecurity Malaysia

CYBERJAYA 20 Ogos - Pusat Maklumat Balas Kecemasan, Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kebangsaan (NISER) hari ini diberi penjenamaan semula dan dikenali sebagai Cyber-Security Malaysia.

Penjenamaan semula itu memberi gambaran peranan dan perkhidmatan tambahannya sebagai agensi keselamatan siber dengan pencegahan, pendidikan, promosi dan strategi baru untuk mengawal berhubung keselamatan siber di dalam negara.

Pelancaran penjenamaan baru Cyber-Security itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini hari ini.

CyberSecurity ditubuhkan untuk menangani isu-isu keselamatan komputer di kalangan pengguna di Malaysia pada 1997 di bawah MIMOS Bhd. yang kemudiannya dikenali sebagai Kumpulan Maklumat Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT).

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Husin Jazri berkata, peranan badan ini sebenarnya terhad kepada bahagian-bahagian teknikal tetapi ia diperluaskan kepada pendidikan, promosi, pemulihan termasuk strategi pencegahan seperti penyelidikan polisi dan penguatkuasaan undang-undang sokongan dalam forensik siber.

"Perluasan peranan ini berikutan peningkatan jumlah laporan jenayah siber. Daripada 347 kes dilaporkan pada 2000, jumlah itu telah meningkat kepada 912 pada 2003 dan 1,372 kes pada tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.